

# Malaysia tetap hantar tentera ke Lebanon

SIK 17 Ogos <sup>UM - 18/8/2008</sup> - Malaysia akan tetap menghantar tentera menyertai pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lebanon walaupun mendapat bantahan daripada Israel.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, Israel tidak berhak untuk menghalang penyertaan tentera Malaysia dalam pasukan pengaman itu kerana ia adalah keputusan PBB.

"Yang akan memutuskan nanti bukan Israel tetapi Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan. Saya sudah bercakap dengan Kofi Annan mengenai perkara ini sudah lama.

"Pada persidangan Majlis Keselamatan PBB, Kofi Annan telefon saya meminta pendirian OIC mengenai perkara ini dan saya memberikan pandangan.

"Saya meminta gencatan senjata dikuatkuasakan bersungguh-sungguh tanpa syarat, tentera Israel perlu berundur dari selatan Lebanon dan unit pengaman PBB di selatan negara itu diperbesarkan. Malaysia bersedia menghantar satu batalion tentera ke kawasan itu," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas melancarkan program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani Nasional di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Beris Jaya, di sini, hari ini.